

PM presiden sidang Vienna

VIENNA, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipilih sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah anjuran Bangsa-Bangsa Bersatu yang bermula di sini, hari ini.

Perdana Menteri adalah pemimpin tunggal yang dicalonkan untuk jawatan itu setelah Menteri Luar Bolivia, Encik Guillermo Bedregal menarik diri.

Setelah pencalonan Datuk Seri Dr Mahathir diumumkan oleh Setiausaha Agung PBB, Encik Ja-

vier Perez de Cuellar, yang membuka persidangan 10 hari itu, perwakilan dari kira-kira 130 negara memilih dengan menepuk tangan.

Selepas dipilih, Datuk Seri Dr Mahathir dijemput ke pentas oleh Ketua Protokol Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengambil tempat duduk dan seterusnya mempengerusikan persidangan.

Sebelum itu, Encik de Cuellar sewaktu mengumumkan pencalonan Datuk Seri Dr Mahathir

berkata, kata sepakat mengenai calon tunggal dicapai berikutan perbincangan rapi di mesyuarat pra persidangan.

Persidangan itu yang sepatutnya mula bersidang jam 10.30 pagi, tertangguh kira-kira satu setengah jam berikutan perbincangan terakhir oleh kumpulan negara Latin yang mencalonkan Encik Bedregal.

Bagi jawatan pengerusi jawatankuasa induk pula, Encik Guillermo Bedregal dari Bolivia, dipilih sebagai pengerusi.